KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN

PENGIKTIRAFAN WHO TERHADAP USAHA MALAYSIA DALAM MENANGANI DENGGI

Pada 10 Oktober 2016, telah berlangsung sesi ke-67 *Regional Committee Meeting* bagi *WHO Western Pacific Region* di Manila, Filipina yang dihadiri oleh Menteri Kesihatan dan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Dr Margaret Chan, Ketua Pengarah WHO dalam ucap utama beliau telah memuji usaha yang telah dilakukan oleh Malaysia dalam pencegahan dan kawalan Demam Denggi melalui kempen kebersihan persekitaran kebangsaan, yang melibatkan pihak komuniti dan lain-lain agensi untuk mengurangkan tempat pembiakan nyamuk. Negara lain juga digesa untuk mencontohi negara Malaysia.

Oleh yang demikian, usaha tersebut hendaklah diteruskan melalui tindakan bersepadu Pasukan Petugas Khas Denggi Kebangsaan yang dianggotai oleh tujuh kementerian lain, PBT, SwCorp, JPNIN dan agensi lain. Di samping itu, kerjasama pihak masyarakat dan pasukan COMBI adalah kunci utama dalam menjayakan usaha mengawal penularan Demam Denggi dan Zika di negara ini.

Mengenai situasi terkini Demam Denggi di seluruh negara, pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati bagi minggu ke-40 tahun 2016, iaitu dari 2 hingga 8 Oktober 2016, kes Demam Denggi di seluruh negara menunjukkan penurunan sebanyak 151 kes (8.9%) iaitu sejumlah 1,550 berbanding 1,701 kes pada minggu sebelumnya. Jumlah kumulatif kes Denggi dilaporkan adalah 84,774 kes,

berbanding 94,064 kes bagi tempoh yang sama tahun 2015, iaitu penurunan sebanyak 9.9% (9,290 kes).

Pada minggu ke-40, terdapat empat (4) kematian yang dilaporkan dan jumlah kumulatif kematian Denggi di Malaysia dari Januari sehingga 8 Oktober 2016 menunjukkan pengurangan sebanyak 27.2% (71 kematian), iaitu 190 kematian berbanding 261 kematian pada tahun 2015.

Pada minggu lepas terdapat penurunan sebanyak 2.0% lokaliti wabak daripada 561 lokaliti kepada 551 lokaliti, manakala terdapat penurunan lokaliti hotspot daripada 99 lokaliti kepada 79 lokaliti, iaitu di Selangor (61 lokaliti), Kelantan (10 lokaliti), Johor (5 lokaliti), WP Kuala Lumpur & Putrajaya (2 lokaliti) dan Perak (1 lokaliti).

Mengenai situasi kes Zika pula, dari 31 Ogos 2016 sehingga 8 Oktober 2016 terdapat sebanyak tujuh (7) kes yang disahkan positif Zika di negara ini. Bagi tempoh Jun 2015 sehingga 8 Oktober 2016, untuk survelan makmal dan kes yang menunjukkan gejala virus Zika, sebanyak 1,374 sampel darah dan air kencing telah diuji dan kesemuanya menunjukkan keputusan yang negatif. **Tiada Aedes, Tiada Zika dan Denggi.**

DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

Oktober 2016

Lampiran A

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 40/2016
(2 hingga 8 Oktober 2016)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 40/2016		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 40/2015	
		Minggu 40 (2 Okt – 8 Okt 2016)		Minggu 39 (25 Sept - 1 Okt 2016)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	3	0	5	0	142	1	175	1
2	Kedah	9	0	15	0	769	2	731	11
3	P. Pinang	39	0	36	0	2,233	12	4,178	12
4	Perak	58	0	47	0	2,968	9	7,893	22
5	Selangor	712	1	832	1	43,974	66	50,567	105
6	WP KL & Putrajaya	179	0	131	0	7,132	16	6,404	31
7	N. Sembilan	69	1	41	2	2,250	22	1,767	12
8	Melaka	31	0	39	0	1,896	6	1,746	6
9	Johor	109	2	131	1	9,457	19	11,756	35
10	Pahang	52	0	68	0	2,173	7	2,094	8
11	Terengganu	20	0	25	0	1,833	15	913	3
12	Kelantan	174	0	212	0	4,808	8	2,203	6
13	Sarawak	43	0	53	0	2,206	6	1,556	3
14	Sabah	52	0	66	0	2,924	1	2,079	6
15	WP Labuan	0	0	0	0	9	0	2	0
	MALAYSIA	**1,550**	**4**	**1,701**	**4**	**84,774**	**190**	**94,064**	**261**

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 8 OKTOBER 2016 (Mg 40)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 /1(Lagoon Perdana & Rumah Kedai)	336	375
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	40	123
3	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Sky Villa, Kesidang & Rumah Kedai)	46	114
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Mutiara Subang : Blok 1 - 7)	28	110
5	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 7 - Rumah Kedai)	53	104
6	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tkp 1-14 Taman Kantan Permai	14	95
7	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Alam Jaya	31	93
8	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 6 Kompleks Kediaman Kastam	74	92
9	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 6)	76	86
10	SELANGOR	Petaling	Seri Kembangan (Belimbing Height)	14	83
11	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 6 Gugusan Tanjung	48	74
12	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Lagenda Taman Lagenda Mas	17	73
13	SELANGOR	Gombak	Kepong Central Condo	18	72
14	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat B : Blok 13 -	27	67

			37)		
15	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana Kp 4 (Mawar Jaya)	8	67
16	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bm 6/A Bandar Bukit Mahkota	18	64
17	KELANTAN	Kota Bharu	Chempaka	48	60
18	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Puncak Nusa Kelana Kondo	10	59
19	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Mawar_Jln Mawar 46 - 61	13	59
20	SELANGOR	Gombak	Tmn Melawati (C)	17	58
21	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 5)	10	58
22	WPKL	Cheras	Kem Sg.Besi (Jalan Labuan)	17	58
23	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1 Taman Cuepacs Batu 12	35	57
24	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 9 Sd 13 Apt Sd 1	33	55
25	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 9 Sd 3	8	55
26	KELANTAN	Kota Bharu	Baung Bayam	20	53
27	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Bahagia	15	52
28	JOHOR	Johor Bharu	Ciq Gelang Patah	19	52
29	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Angsana Pandan Indah	12	50
30	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tps 3 Taman Pelangi Semenyih	11	50
31	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Perdana 6/2,6/4,6/6,6/8&6/10 Pandan Perdana	8	49
32	KELANTAN	Kota Bharu	Pulong	33	49
33	SELANGOR	Petaling	Seksyen U2 Teres B (Jln U2/2- U2/13)	22	48
34	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 6f (Enggang	20	48

			Apt)		
35	SELANGOR	Hulu Langat	Pangsapuri Mewah Taman Cheras Utama	9	47
36	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Flat J : Blok 79 - 84)	21	47
37	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	18	47
38	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 6	14	47
39	KELANTAN	Kota Bharu	Taman Sri Aman	18	47
40	KELANTAN	Kota Bharu	Telok Baru 2	25	47
41	PERAK	Kinta	Kg Sg Tapah Tambahan	11	45
42	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Aa-Am Pandan Indah	19	45
43	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A, B)	11	45
44	KELANTAN	Kota Bharu	Chempaka 2	29	45
45	SELANGOR	Gombak	Kg Pasir Ulu Klang	11	44
46	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Puncak 5 Taman Puncak Saujana	20	44
47	SELANGOR	Hulu Langat	Kuis	7	44
48	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Rampai Idaman	9	44
49	JOHOR	Johor Bharu	Flat Peringkat 3, Perjiranan 8	6	44
50	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Subang Bestari Teres A : Jln U5/47 - U5/62)	11	43
51	KELANTAN	Kota Bharu	Jalan Kelochor	12	43
52	SELANGOR	Petaling	Seksyen 16 (Pangsapuri Anggerik Indah)	11	42
53	KELANTAN	Kota Bharu	Taman Desa Rahmat 2	11	42
54	JOHOR	Johor Bharu	Kg Sg Perling	11	41

55	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Desa Serdang	7	39
56	SELANGOR	Gombak	Appt Lakeview	4	38
57	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Ukay	15	38
58	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 6 Flat Desa Mentari 2 : Blok 4, 5 , 6	8	38
59	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru Zon 7	5	37
60	WPKL	Titiwangsa	Kg Baru (Plaza Rah)	15	37
61	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Cahaya Masai_Jln Intan	9	37
62	SELANGOR	Gombak	Appt Residensi Bistaria	9	36
63	KELANTAN	Kota Bharu	Pondok Terusan	13	36
64	KELANTAN	Kota Bharu	Bandar Baru	11	35
65	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Indah Saujana Impian	10	34
66	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 6 Bandar Rinching	12	34
67	SELANGOR	Hulu Langat	Venice Hill Condominium	19	33
68	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Cuepacs Batu 12	18	33
69	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Teres B : Jln 24/8 - 24/12)	6	33
70	SELANGOR	Petaling	Usj 11/3	10	32
71	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Utama (Jln Pu 10)	9	32
72	SELANGOR	Hulu Langat	Kem Pga Batu 7 Cheras	5	31
73	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Sutera 2 Taman Sutera	7	31
74	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Berjaya	12	31
75	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Pusat Dagangan Nzx	5	31

76	SELANGOR	Petaling	Pst Bdr Puchong (Jln Wawasan 2)	4	31
77	SELANGOR	Petaling	Seri Kembangan 13	7	31
78	SELANGOR	Petaling	Tmn Universiti Indah 1 (Jln Indah 1/11 - 1/29 - No. Ganjil)	12	31
79	SELANGOR	Sepang	Mutiara Ville Cyberjaya	9	31